

SOALAN NO.: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 2 DISEMBER 2015

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menentukan kadar "Dry Rubber Content" (DRC) bagi harga getah (*Rubber Cuplump*) yang dibeli oleh pembeli-pembeli getah memandangkan walaupun harga getah SMR20 meningkat sehingga RM5 atau lebih namun terdapat peniaga/pembeli getah yang mengenakan sehingga kurang dari 60% DRC menyebabkan pekebun-pekebun getah hanya menerima sekitar RM2 sekilogram sahaja atau menerima harga yang lebih rendah daripada sepatutnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kandungan Getah Kering (KGK) atau dengan izin, *Dry Rubber Content* terdapat di dalam getah bekuan atau *cuplump*.

Pada masa ini, KGK getah yang dibeli oleh pembeli-pembeli di peringkat ladang ditentukan melalui pemerhatian (visual) pembeli-pembeli tersebut. Harga *cuplump* ditentukan mengikut peratusan berat getah kering atau KGK getah tersebut.

Untuk memastikan harga yang adil dan telus, Lembaga Getah Malaysia (LGM) mengambil beberapa inisiatif antaranya:

- i. Menguatkuasa dan melaksanakan “Operasi Ops-Patuh dan Ops-Batal” yang melibatkan premis-premis pembeli getah di Semenanjung semenjak tahun 2008. Tindakan akan diambil ke atas mana-mana pihak yang memanipulasikan harga getah dan tidak mempamerkan harga getah di premis masing-masing bagi menjamin ketelusan harga getah sekiranya pada setiap transaksi;
- ii. Menyediakan Carta Panduan KGK *Cuplump* bagi membantu penentuan KGK getah bekuan berdasarkan tempoh simpanan getah;
- iii. Memaklumkan harga cadangan getah di peringkat ladang bagi *cuplump* Gred A di TV 1 pada jam 7.00 malam setiap hari

sebagai panduan harga yang sepatutnya diterima oleh pekebun kecil. Harga ini telah diterbitkan di TV 1 mulai bulan November 2014;

- iv. Melaksanakan mekanisma kawal selia harga di mana LGM menetapkan kadar diskaun yang dikenakan di peringkat ladang. Pelaksanaan mekanisme ini melibatkan penglibatan koperasi dalam urusniaga jual beli getah dan tujuannya adalah untuk memendekkan rantaian pemasaran getah; dan
- v. Menganjurkan program meningkatkan kesedaran kepada pekebun kecil dan pelesen supaya mereka memahami kaedah penentuan KGK.

Pihak LGM memang sedar bahawa penentuan KGK melalui pemerhatian (visual) menimbulkan masalah kepada pekebun kecil. Sehubungan dengan itu Lembaga Getah Malaysia sedang memuktamadkan perjanjian pengkomersilan dengan sebuah syarikat swasta bagi memasarkan mesin penentuan KGK dengan menggunakan teknologi *infra red* di mana mesin ini berupaya menentukan KGK dalam getah dengan lebih tepat dalam tempoh yang amat singkat.

Kementerian bersama-sama dengan LGM akan meneruskan usaha-usaha untuk menggalakkan para pekebun kecil getah menghasilkan kualiti getah *cuplump* yang tinggi agar mereka akan dapat menikmati harga yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.